



**SEMBAH UCAPAN ALUAN**  
**YB DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID**  
**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR**  
**BANDAR**  
**&**  
**PRO CANSELOR UNIVERSITI KUALA**  
**LUMPUR**

**SEMPENA**  
**MAJLIS KONVOKESYEN**  
**KETUJUH BELAS & KELAPAN BELAS**  
**UNIVERSITI KUALA LUMPUR 2022**

**11 OGOS 2022 (KHAMIS)**  
**BERSAMAAN 13 MUHARRAM 1444H**

**DEWAN MERDEKA,**  
**PUSAT DAGANGAN DUNIA**  
**KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

SALAM KELUARGA MALAYSIA DAN  
SALAM SEJAHTERA.

AMPUN TUANKU, BERIBU-RIBU AMPUN,  
SEMBAH PATIK POHON DIAMPUN.

MENGHADAP KEBAWAH DULI YANG  
MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG AL-SULTAN  
ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA  
BILLAH SHAH IBNI ALMARHUM SULTAN  
HAJI AHMAD SHAH AL-MUSTAIN BILLAH  
TUANKU CANSELOR UNIVERSITI KUALA  
LUMPUR.

MENGHADAP KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG TUNKU HAJAH AZIZAH AMINAH MAIMUNAH ISKANDARIAH BINTI ALMARHUM AL-MUTAWAKKIL ALALLAH SULTAN ISKANDAR AL-HAJ.

## **PEMBUKA KATA**

AMPUN TUANKU,

1. ALHAMDULLILLAH SEGALA PUJIAN BAGI ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN KEIZINANNYA JUA, DAPAT PATIK – PATIK SEKALIAN HADIR BERSAMA – SAMA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU BERDUA DI MAJLIS

KONVOKESYEN KETUJUH BELAS DAN  
KELAPAN BELAS UNIVERSITI KUALA  
LUMPUR PADA PAGI INI.

2. PATIK SERTA SELURUH WARGA  
UNIVERSITI KUALA LUMPUR MERAFAK  
SEMBAH MENJUNJUNG SETINGGI –  
TINGGI KASIH ATAS LIMPAH PERKENAN  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI  
PADUKA BAGINDA TUANKU BERDUA  
BERCEMAR DULI BERANGKAT KE  
MAJLIS KONVOKESYEN PADA HARI INI

3. PATIK YAKIN BAHAWA SETIAP  
PARA MAHASISWA DAN MAHASISWI  
AMAT MENGIMPIKAN MAJLIS  
KONVOKESYEN INI SEMENJAK DARI  
HARI PERTAMA MEREKA MENDAFTAR

DIRI SEBAGAI PELAJAR DI UNIVERSITI KUALA LUMPUR LAGI. SETELAH TERTANGGUH SEBELUM INI, AKHIRNYA, MAJLIS INI MENJADI REALITI.

4. PARA GRADUAN DAN PARA IBU BAPA TENTUNYA MERASA TERHARU DAN AMAT TERUJA DENGAN KEBERANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU BERDUA DAN SETERUSNYA MENJADIKAN MAJLIS KONVOKESYEN INI TERLALU ISTIMEWA DAN SUNGGUH BERMAKNA BUAT PATIK - PATIK SEKALIAN.

**LANTIKAN SEBAGAI PRO CANSELOR**

AMPUN TUANKU,

5. PATIK JUGA INGIN MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG SETINGGI – TINGGI KASIH ATAS LIMPAH PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSELOR, DI ATAS LANTIKAN PATIK SEBAGAI PRO CANSELOR UNIVERSITI KUALA LUMPUR.

6. SESUNGGUHNYA LANTIKAN INI MERUPAKAN SATU PENGHORMATAN YANG BESAR BUAT PATIK. IANYA JUGA DATANG BERSAMA SUATU TANGGUNGJAWAB YANG BESAR UNTUK PATIK MEMASTIKAN AGAR UNIVERSITI KUALA LUMPUR YANG MERUPAKAN APEX KEPADA PENDIDIKAN TINGGI DAN LATIHAN

TEKNIKAL DAN VOKASIONAL MILIK PENUH MARA INI AKAN MENJADI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI NEGARA YANG TERKEMUKA DI DUNIA SATU HARI NANTI, INSYA'ALLAH.

### **MENGENAI MAJLIS KONVOKESYEN**

AMPUN TUANKU,

7. MAJLIS KONVOKESYEN INI AKAN MENYAKSIKAN SERAMAI **10,547** ORANG GRADUAN MENERIMA SKROL MASING – MASING TERMASUK 137 PELAJAR ANTARABANGSA DARI 28 BUAH NEGARA. DARI JUMLAH INI, **5,338** ORANG MERUPAKAN GRADUAN TAHUN **2020**, MANAKALA GRADUAN TAHUN **2021** PULA ADALAH SERAMAI **5,209** ORANG.

8. SERAMAI **38** GRADUAN AKAN MENERIMA IJAZAH DOKTOR FALSAFAH, **177** GRADUAN MENERIMA IJAZAH SARJANA, **7,940** GRADUAN MENERIMA IJAZAH SARJANA MUDA, **2,394** ORANG MENERIMA DIPLOMA DAN **4** ORANG PENERIMA SIJIL PROFESSIONAL.

9. DENGAN JUMLAH INI, UNIKL TELAH MELAHIRKAN SERAMAI **73,317** ORANG ALUMNI TERMASUK PARA GRADUAN YANG DIRAIKAN DALAM MAJLIS KONVOKESYEN PADA HARI INI.

10. MAJLIS INI JUGA TURUT MERAIKAN GRADUAN SULUNG BAGI PROGRAM SARJANA PENGURUSAN DAN OPERASI MARITIM, PROGRAM SARJANA



PENGURUSAN DAN KEJURUTERAAN  
KUALITI DAN IJAZAH SARJANA MUDA  
(KEPUJIAN) PEMBANGUNAN &  
PERANCANGAN PELANCONGAN.

11. TURUT DIRAIKAN DALAM MAJLIS  
KONVOKESYEN INI IALAH GRADUAN  
SULUNG PROGRAM HUFFAZ  
PROFESIONAL IAITU SERAMAI 70  
ORANG YANG TELAH MENAMATKAN  
PENGAJIAN AKADEMIK BESERTA  
HAFAZAN AL-QURAN MEREKA DENGAN  
JAYANYA. DISAMPING MEMPEROLEHI  
IJAZAH & DIPLOMA, PARA GRADUAN  
HUFFAZ PROFESIONAL INI JUGA TURUT  
MENERIMA SIJIL HAFAZAN DIAKHIR  
PENGAJIAN MEREKA DI UNIKL, DI MANA

SIJIL INI MENYATAKAN PENCAPAIAN JUZUK DAN HAFAZAN MEREKA.

## **20 TAHUN UNIKL DAN PENCAPAIAN UTAMA**

AMPUN TUANKU,

12. TAHUN INI, UNIKL MERAIKAN ULANGTAHUN KE-20 PENUBUHANNYA. PELBAGAI PENCAPAIAN TELAH DIKECAPI WALAUPUN MASIH DI PERINGKAT AWAL USIANYA. PALING MEMBANGGAKAN ADALAH UNIKL KINI BERADA DI ANTARA 15 UNIVERSITI MALAYSIA YANG BERADA DI DALAM KEDUA-DUA RANKING UNIVERSITI TERBAIK DUNIA YANG DIKELUARKAN OLEH TIMES HIGHER EDUCATION DAN

QS UNIVERSITY RANKING. PROGRAM KEJURUTERAAN, SAINS KOMPUTER DAN KEWANGAN ISLAM YANG DITAWARKAN OLEH UNIKL PULA TERSENARAI DI DALAM RANKING MATAPELAJARAN TERBAIK DUNIA.

13. UNIKL JUGA TELAH MENERIMA PELBAGAI PENGIKTIRAFAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA DAN MALAYSIA DI ANTARANYA:

- 3 PUSAT UNIKL BAGI TEKNOLOGI REL, ROBOTIK DAN SATELIT TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI TVET COLLABORATION HUB (TCH) DI BAWAH MAJLIS TVET NEGARA;
- UNIKL MIAT PULA TURUT DIIKTIRAF SEBAGAI PUSAT LATIHAN

- BERTAULIAH OLEH EASA (EUROPEAN AVIATION SAFETY AGENCY) DAN CAAM (CIVIL AVIATION AUTHORITY MALAYSIA);
- MANAKALA UNIKL BMI MENJADI SATU-SATUNYA UNIVERSITI YANG DITAULIAHKAN OLEH SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY (SEDA) UNTUK MENJALANKAN PROGRAM REKABENTUK FOTOVOLTAN SOLAR; DAN
  - TERBARU UNIKL MIIT PULA DIIKTIRAF SEBAGAI PREMIER DIGITAL TECH INSTITUTION (PDTI) OLEH MALAYSIA DIGITAL ECONOMY CORPORATION (MDEC).

14. DARI SEGI KEBOLEHPASARAN GRADUAN PULA, KESEMUA 12 KAMPUS UNIKL TERSENARAI DI DALAM KEDUDUKAN 20 TERTINGGI DI KALANGAN UNIVERSITI DAN KOLEJ SWASTA DI DALAM LAPORAN KAJIAN PENGESANAN GRADUAN (TRACER STUDY) YANG DIJALANKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI.

15. UNIKL JUGA TELAH BERJAYA MEMPEROLEHI GERAN PENYELIDIKAN BERJUMLAH RM18 JUTA PADA TAHUN 2021 DAN PRODUK KOMERSIL HASIL DARIPADA PENYELIDIKAN INI, SEBAHAGIANNYA ADA DIPAMERKAN DI LUAR DEWAN INI.

# **PERKEMBANGAN & PENCAPAIAN** **UNIVERSITI – TEKNOLOGI BARU**

AMPUN TUANKU,

16. SUKACITA PATIK INGIN MEMAKLUMKAN BAHAWA DALAM MENDEPANI CABARAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0, UNIVERSITI KUALA LUMPUR TELAH MENGORAK LANGKAH PRO AKTIF DALAM MENCEBURI BEBERAPA BIDANG TEKNOLOGI BARU.

17. ANTARANYA, PUSAT REL ASIA UNIVERSITI KUALA LUMPUR, TELAH MENJADI UNIVERSITI PERTAMA DI ASIA TENGGARA MENJALIN KERJASAMA DENGAN INSTITUTE OF RAILWAY SIGNAL ENGINEERS UNITED KINGDOM

(IRSE) IAITU BADAN PERLESENAN ANTARABANGSA BERKAITAN SISTEM KAWALAN ISYARAT PENGANGKUTAN REL.

18. KOLABORASI INI MEMBOLEHKAN UNIKL MENAWARKAN KURSUS DI PERINGKAT DIPLOMA LANJUTAN DAN SIJIL KOMPETENSI YANG DIKTIRAF DI SELURUH DUNIA.

19. BAGI BIDANG PEMBUATAN AEROANGKASA PULA, UNIKL MALAYSIAN INSTITUTE OF AVIATION TECHNOLOGY TELAH MENJALINKAN KOLABORASI BARU BERSAMA CRANFIELD UNIVERSITY DI UNITED

KINGDOM DAN TURKISH AEROSPACE INDUSTRIES.

20. KERJASAMA INI MEMBOLEHKAN UNIKL MIAT MENEROKA BIDANG BARU DI DALAM INDUSTRI PEMBUATAN AEROANGKASA DAN INTEGRASI SISTEM DISAMPING PROGRAM MRO (MAINTENANCE, OVERHAUL AND REPAIR) YANG DIPERLUKAN OLEH INDUSTRI.

21. PENGLIBATAN UNIKL MIAT DALAM PEMBUATAN AEROANGKASA INI ADALAH SELARAS DENGAN PELAN RANGKA KERJA INDUSTRI AEROANGKASA NEGARA DAN PELAN



## CETAKBIRU INDUSTRI AEROANGKASA MALAYSIA 2030.

22. BAGI MEMBANTU MENGATASI MASALAH PEMANASAN GLOBAL PULA DI BAWAH SEKTOR TENAGA LESTARI, UNIKL BRITISH MALAYSIAN INSTITUTE TELAH MENAWARKAN PROGRAM BERKAITAN TENAGA LESTARI TERMASUK MENCATAT SEJARAH MELALUI PEMBINAAN BANGUNAN PERTAMA DI MALAYSIA BERSTATUS BANGUNAN TENAGA SIFAR BERSIH.

23. MANAKALA UNIKL MALAYSIA FRANCE INSTITUTE PULA MENAWARKAN PROGRAM BERKAITAN MIKRO HIDRO DISAMPING PROGRAM

BERKAITAN EV (ELECTRONIC VEHICLE)  
YANG DITAWARKAN DI UNIKL MSI DAN  
UNIKL MFI.

24. SEBAGAI PELOPOR BIDANG  
HIGHER TECHNICAL VOCATIONAL  
EDUCATION AND TRAINING (HTVET)  
NEGARA, UNIKL AKAN TERUS UNGGUL  
MEMBANGUNKAN PROGRAM –  
PROGRAM PENDIDIKAN DALAM BIDANG  
– BIDANG TEKNOLOGI BARU.

**KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN**  
**PERANCANGAN MASA HADAPAN**

AMPUN TUANKU,

25. PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN  
LATIHAN VOKASIONAL (TVET) TELAH

DIKENALPASTI SEBAGAI BIDANG UTAMA YANG AKAN MENJADI ASAS UNTUK MEMBANGUNKAN KEMAMPANAN EKONOMI MALAYSIA. TRANSFORMASI PENDIDIKAN TVET DI MALAYSIA TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA BIDANG TVET MAMPU MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN LEBIH TINGGI.

26. SEBAGAI CONTOH, GRADUAN UNIKL TELAH MENCATATKAN KADAR KEBOLEHPASARAN YANG TINGGI IAITU SEBANYAK 96.1% PADA TAHUN 2020 WALAUPUN PERTUMBUHAN EKONOMI GLOBAL KETIKA ITU MENCATATKAN PERTUMBUHAN NEGATIF. MOMENTUM

POSITIF INI TERUS BERTAMBAH BAIK KEPADA 97.1% PADA TAHUN 2021.

27. MALAHAN TERDAPAT SERAMAI 241 ORANG GRADUAN TEMPATAN DAN ALUMNI UNIKL DARI KUMPULAN YANG BERGRADUAT SEPANJANG TAHUN 2016 HINGGA 2021 YANG SEDANG BEKERJA DI LUAR NEGARA. USAHA INI AKAN DIPERTINGKATKAN MENERUSI KOLABORASI BERIMPAK TINGGI SEPERTI PROGRAM PENEMPATAN YANG DIJALANKAN DENGAN TURKISH AEROSPACE INDUSTRIES.

28. PIHAK KERAJAAN AKAN TERUS MEMBANTU PERKEMBANGAN TVET YANG DIPERJUANGKAN OLEH UNIKL

TERMASUK MEMBUKA KAMPUS BARU DI PERLIS DAN PAHANG DALAM BIDANG LOGISTIK LESTARI, KEJURUTERAAN AIR, TEKNOLOGI PERTANIAN DAN TEKNOLOGI BANGUNAN MANAKALA SEBUAH KAMPUS SATELIT DI KOTA KINABALU, SABAH.

29. KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN SEJUMLAH RM141.9 JUTA DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-SEBELAS DAN SEBANYAK RM42.9 JUTA SETAKAT INI DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-DUA BELAS BAGI MAKSUD TERSEBUT DISAMPING PENINGKATAN PROGRAM-PROGRAM SEDIA ADA DI SEMUA KAMPUS-KAMPUS UNIKL.

30. TERKINI, PIHAK KERAJAAN SEDANG MEMPERTIMBANGKAN CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH KAMPUS BARU DI KUALA LUMPUR BAGI MENYOKONG MISI PENGANTARABANGSAAN UNIKL YANG MAMPU MELONJAKKAN LAGI PERANAN UNIKL SEBAGAI INSTRUMEN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA TERMASUK MENARIK LEBIH RAMAI PELAJAR ANTARABANGSA KE MALAYSIA.

## **PENUTUP**

AMPUN TUANKU,

31. DEMIKIANLAH SEMBAH UCAPAN ALUAN PATIK SEMPENA MAJLIS

KONVOKESYEN KETUJUH BELAS DAN KELAPAN BELAS UNIVERSITI KUALA LUMPUR PADA HARI INI. PATIK SEKALI LAGI MERAFAK SEMBAH MENJUNJUNG SETINGGI – TINGGI KASIH ATAS LIMPAH PERKENAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU BERDUA BERANGKAT KE MAJLIS KONVOKESYEN PADA PAGI INI.

32. PATIK – PATIK SEKALIAN BERILTIZAM UNTUK MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN BAIK AGAR USAHA DAN PERANCANGAN MENJADIKAN UNIVERSITI KUALA LUMPUR YANG TERCINTA INI SEBAGAI ANTARA UNIVERSITI TERBAIK DI DUNIA,

KEBANGGAAN MALAYSIA MENDAPAT KEJAYAAN.

33. SESUNGGUHNYA KEJAYAAN UNIKL MENGORAK LANGKAH SEPANJANG 20 TAHUN INI ADALAH BERKAT KEPIMPINAN KEBAWAH DULI YANG TERAMAT MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSELOR YANG AMAT PRIHATIN TERHADAP PERKEMBANGAN UNIKL DAN INI TELAH MENGUATKAN LAGI KEAZAMAN PATIK SEKALIAN UNTUK TERUS MEMACU UNIKL KE MERCU.

34. PATIK DAN SEKALIAN WARGA UNIKL SENTIASA BERDOA AGAR KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI



PADUKA BAGINDA TUANKU BERDUA  
SERTA SELURUH KERABAT DIRAJA  
SENTIASA BERADA DI DALAM  
LINDUNGAN DAN RAHMAT ALLAH  
SUBHANAHU WATAALA.

AMPUN TUANKU.

MENJUNJUNG KASIH TUANKU  
CANSELOR.

SEKIAN.

WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH  
WASSALAMMUALAIKUM  
WARAHMAHTULLAHIBARAKATUH.